

Pengerusi LBS terima Doktor Kehormat Universiti Antarabangsa UNITAR

Oleh [Wartawan BH](#) - November 20, 2023 @ 12:52pm
bhbiz@NSTP.COM.MY



Hock San (kiri) menerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan daripada Canselor Universiti Antarabangsa UNITAR, Datuk Mohamed Nizam Abdul Razak di majlis konvoikesyen ke-23 - Gambar ihsan LBS

PUTRAJAYA: Pengerusi Eksekutif LBS Bina Group Bhd (LBS), Tan Sri Ir Lim Hock San dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan di majlis konvoikesyen ke-23 Universiti Antarabangsa UNITAR di sini.

Anugerah ini diberikan sebagai pengiktirafan di atas kepimpinan cemerlang beliau dalam menerajui LBS sebagai salah sebuah pemaju harta tanah yang terkemuka di Malaysia, serta sumbangan beliau untuk memperkasakan komuniti melalui pembabitan dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan juga reputasi beliau sebagai salah seorang individu penting dalam jalinan hubungan dua hala Malaysia-China.

Selaku jurutera profesional dan profesor adjung di Universiti Antarabangsa UNITAR, Hock San menamatkan pengajiannya pada tahun 1982 dengan Kepujian Kelas

Pertama dalam bidang Kejuruteraan Awam daripada University of Wales, Science & Technology.

Sekembalinya ke Malaysia, beliau memainkan peranan penting dalam membangunkan LBS, yang telah diasaskan oleh mendiang bapanya, Datuk Seri Lim Bock Seng, sebagai sebuah pemaju harta tanah terkemuka di Malaysia.

Dengan pengalaman lebih daripada 40 tahun dalam industri pembangunan harta tanah, Hock San berpengalaman luas serta berjaya menobatkan syarikat sebagai salah sebuah syarikat pengurusan terbaik di Malaysia, satu pengiktirafan oleh Deloitte untuk tahun 2022 hingga 2023.

Di bawah kepimpinannya, LBS telah berjaya mencapai kejayaan yang luar biasa di samping berjaya membina lebih daripada 40,000 unit rumah di seluruh Malaysia dan mencapai jualan melebihi RM 2 bilion pada tahun 2022, sekali gus mempamerkan prestasi kewangan yang kukuh serta penyampaian dividen yang konsisten kepada pemegang saham.

Dalam ucapan penerimaannya, Hock San menzahirkan penghargaan di atas penganugerahan Ijazah Kehormat Kedoktoran ini dan mendedikasikan ijazah itu kepada mendiang bapanya yang memainkan peranan penting dalam mengemudi perjalanan syarikat.

Komitmen Hock San bukan sahaja tertumpu kepada bidang perniagaan, bahkan beliau juga menggalas tanggungjawab sebagai Presiden Persekutuan Persatuan Hokkien Malaysia, sebuah persatuan kaum Cina terbesar di Malaysia.

Selain itu, beliau turut memegang jawatan sebagai Naib Presiden Persekutuan Lim Malaysia dan jawatan-jawatan penting yang lain di dalam pelbagai persatuan di Malaysia.

Ijazah Kehormat Kedoktoran daripada Universiti Antarabangsa UNITAR ini membuktikan kepimpinan dan komitmen Hock San yang tidak berbelah bahagi terhadap usaha meningkatkan kecemerlangan perniagaan dan pembangunan komuniti.